

# UTUSAN BORNEO

Tarikh : 17 September (Jumaat)

Muka Surat : 3

## Penjawat awam harus dahului perubahan dan pembaharuan

**TUARAN:** Para penjawat awam perlu sentiasa berada di hadapan tembok perubahan dan pembaharuan, tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

Beliau berkata, penjawat awam seharusnya sanggup menerima pengetahuan bersifat ilmiah dan mempunyai minda terbuka agar mampu membuat adaptasi dari segi pemikiran, tindakan dan peraturan dalam persekitaran baru agar perkhidmatan awam tetap berkesan.

"Sepertimana yang kita ketahui, agenda kerajaan berpaksikan empat tonggak utama iaitu gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) yang menjadi panduan."

"Gagasan 1Malaysia adalah sebagai falsafah yang dipegang dan dihayati, GTP pula bertujuan memenuhi tuntutan dan jangkaan rakyat terhadap kerajaan manakala ETP berasaskan kepada keperluan untuk memperkenalkan strategi baru bagi memastikan dalam tempoh sembilan tahun akan datang untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan negara berpendapatan tinggi yang diterjemahkan dalam RMKe-10 dan RMKe-11.

"Sehubungan itu, penting bagi perkhidmatan awam memahami bagaimana kita boleh menterjemahkan tonggak-tonggak kerajaan ini bukan sahaja dari sudut kefahaman, tetapi pada tahap pelaksanaan yang berkesan dan tepat," katanya ketika berucap merasmikan Kampus Institut Tadbiran Awam negara (Intan) di sini, kelmarin.

Katanya, transformasi fasa pertama Malaysia menyaksikan perubahan dari sebuah negara pertanian dan berpendapatan rendah kepada sebuah negara perindustrian moden dan berpendapatan sederhana tinggi.

"Ini merupakan transformasi fasa pertama dalam negara kita berpunca dari kewujudan

perkhidmatan awam yang boleh kita bergantung harap untuk membantu pentadbiran negara dan negeri bagi mencapai transformasi tersebut.

"Namun bagi meraih kejayaan dalam persekitaran baru yang lebih kompetitif pada hari ini, yang mana persekitaran dalam fasa pertama berlainan sekali dengan persekitaran dalam fasa kedua transformasi negara," katanya.

Sebab itu, jelasnya, beliau pernah menegaskan bahawa dalam persekitaran baru, kaedah lama tidak boleh digunakan sebaliknya memerlukan kaedah baru.

"Saya juga ingin menegaskan salah satu daripada yang amat mencabar dalam persekitaran baru adalah untuk menggunakan pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif dalam mencari penyelesaian yang tidak disifatkan spontan apabila diminta berbuat sesuatu.

"Umpamanya, kalau ada sesuatu inisiatif baru yang harus dilaksanakan sesebuah jabatan, kita tidak boleh mengambil respon yang tiba-tiba atau konvensional... kalau ada tuntutan baru, kita perlukan jawatan-jawatan dan bajet tambahan.

"Kita sepatutnya tanya pada diri, bagaimana boleh menyesuaikan segala sumber yang ada pada jawatan dan kementerian sendiri supaya dapat memperuntukkan sumber lebih strategik dan tepat untuk memenuhi tuntutan yang sepatutnya diutamakan," katanya.

Ini, menurut beliau, menuntut penjawat awam menggunakan pemikiran mereka bagi mencari penyelesaian yang kreatif dan inovatif jika tidak mahu organisasi mereka menjadi kaku.

Najib berkata, organisasi yang boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai keadaan adalah organisasi yang beridentitikan abad ke-21.

"Justeru, saya ingin perkhidmatan awam melihat kepada cabaran kerana cabaran ini akan menentukan sama ada dengan sumber yang terhad ini kita akan dapat memaksimumkan nilai atau sebaliknya," katanya.

Beliau berkata, penubuhan Intan pada 1992 bertujuan mengukuhkan perkhidmatan awam negara melalui proses latihan, ayahanda, Tun Abdul Razak sewaktu merasmikan Intan di Petaling Jaya pada 1 Sept 1992, berkata pentadbiran awam mestilah memenuhi aspirasi rakyat, mengisi cita-cita kemerdekaan di samping menjunjung kedaulatan undang-undang dan hak-hak asasi manusia.